

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

"SESI PERKONGSIAN ILMU "R&D TO COMMERCIAL"

Pada 12 Julai 2017 bertempat di Dewan Bankuet, Dewan Sultan Ibrahim (DSI) telah diadakan Sesi Perkongsian Ilmu "**R&D to Commercial**". Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Profesor Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Melaka. Objektif penganjuran adalah bertujuan memberi galakan dan motivasi kepada para penyelidik agar lebih produktif dalam menghasilkan penyelidikan dan seterusnya memartabatkan pengkomersilan di universiti. Diharapkan agar sesi perkongsian ilmu ini dapat memberi manfaat kepada warga penyelidik universiti.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1438H/2017M DAN MAJLIS SELAUT KASIH SEUNTAI KENANGAN

Pada 20 Julai 2017, Kelab RICC, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1438H/2017M dan Majlis Selaut Kasih Seuntai Kenangan. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran para tetamu yang terdiri daripada Professor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), warga kerja ORICC (R&D, ICC, I²E/COE) serta Pejabat TNC (P&I). Majlis turut meraikan staf-staf yang cuti sabatikal, sangkutan industri dan berpindah PTj/organisasi. Majlis dimulakan dengan bacaan selawat, diikuti dengan ucapan aluan oleh TNC (P&I) dan ucapan perpisahan oleh Profesor Dr. Rosziati Ibrahim, mantan Dekan R&D. Majlis dimeriahkan dengan upacara pemotongan pulut kuning dan pertukaran cenderahati dalam kalangan warga kerja penyelidikan dan inovasi. Semoga majlis seperti ini dapat menjalin ukhuwah dan mengeratkan hubungan silaturrahim.

